

SOALAN LAZIM (FAQ) MENGENAI KOD QR SSM BIZTRUST MELALUI APLIKASI MySSM UNTUK ENTITI PERNIAGAAN, SYARIKAT DAN PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD

Maklumat am berkenaan fungsi MySSM		
Bil.	Soalan Lazim	Penyelesaian
1	Apakah fungsi MySSM?	<p>MySSM merupakan satu (1) aplikasi mobil rasmi Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang menawarkan perkhidmatan capaian maklumat berkaitan entiti perniagaan iaitu entiti Pendaftaran Perniagaan (ROB), Pemerbadanan Syarikat (ROC) dan Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) melalui peranti mudah alih.</p> <p>Modul e-Perkhidmatan SSM yang ditawarkan melalui aplikasi MySSM adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. e-Search; ii. e-Query; iii. e-Compound; iv. Status 308; dan v. SSM BizTrust. (BAHARU)
2	Siapakah pengguna fungsi MySSM?	<p>Terdapat tiga (3) kategori pengguna aplikasi iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pentadbir aplikasi MySSM; ii. Entiti-entiti perniagaan (ROB, ROC dan PLT); dan iii. Orang awam yang menetap di Malaysia.
3	Bagaimana cara untuk mengakses aplikasi ini?	Aplikasi ini boleh diakses dengan memuat turun aplikasi MySSM ke peranti mudah alih dari Apple App Store, Google Play Store dan Huawei AppGallery.
4	Adakah sebarang fi dikenakan bagi memperolehi aplikasi ini?	Tiada sebarang fi dikenakan. Aplikasi MySSM boleh dimuat turun secara percuma.
5	Adakah aplikasi MySSM tersedia sepanjang masa?	Perkhidmatan ini tersedia selama tujuh (7) hari seminggu, dan 24 jam sehari.

Maklumat am berkenaan fungsi kod QR SSM BizTrust		
Bil.	Soalan Lazim	Penyelesaian
1	Apakah fungsi SSM BizTrust?	Fungsi SSM BizTrust telah dijenamakan semula sebagai satu (1) “business starter kit” iaitu satu (1) pengesahan dan pengenalan identiti digital (<i>digital identification</i>) kepada entiti-entiti perniagaan (ROB, ROC dan PLT) yang berdaftar dengan SSM.

		Ianya bertujuan untuk memperkasakan pematuhan ke atas entiti-entiti perniagaan tersebut melalui peruntukan Akta-akta yang ditadbir oleh SSM.
2	Apakah maklumat yang terkandung pada “business starter kit” ini?	<p>“Business starter kit” adalah berbentuk kod QR SSM BizTrust yang berfungsi sebagai semakan maklumat entiti perniagaan yang memaparkan maklumat seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Nama entiti perniagaan; ii. Nombor entiti perniagaan; iii. Status; serta iv. Alamat URL perniagaan.
3	Siapa yang layak mendapatkan kod QR SSM BizTrust?	<p>Mulai 31 Mac 2021, kod QR SSM BizTrust hanya akan diberikan kepada perniagaan pemilikan tunggal dan perkongsian yang berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (APP 1956).</p> <p>Pelaksanaan akan diperluaskan kepada entiti ROC dan PLT secara berperingkat.</p>
4	Bagaimana untuk mendapatkan kod QR SSM BizTrust?	<p>Pada masa ini kod QR SSM BizTrust diberikan secara automatik kepada perniagaan pemilikan tunggal dan perkongsian yang berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (APP 1956) melalui portal ezBiz Online di pautan ezbiz(ssm).com.my.</p> <p>Pelaksanaan akan diperluaskan kepada entiti ROC dan PLT secara berperingkat.</p>
5	Adakah terdapat sebarang fi dikenakan untuk memperoleh kod QR SSM BizTrust?	Tiada sebarang fi dikenakan.
6	Adakah terdapat perbezaan dengan kaedah pelaksanaan SSM BizTrust sedia ada?	<p>Ya. Bagi entiti di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (APP 1956), kod QR akan diberikan secara automatik melalui portal ezBiz Online dan tidak perlu membuat permohonan melalui portal SSM BizTrust.</p> <p>Bagi entiti ROC dan PLT, permohonan masih perlu melalui portal SSM BizTrust di pautan https://biztrust(ssm).com.my/. Pendaftaran masih ditawarkan secara percuma sehingga 31 Disember 2021.</p>

Maklumat am berkenaan kod QR SSM BizTrust melalui MySSM		
Bil.	Soalan Lazim	Penyelesaian
1	Dimanakah fungsi kod QR SSM BizTrust boleh digunakan?	<p>Kod QR SSM BizTrust boleh diimbas dengan menggunakan aplikasi MySSM.</p> <p>Ianya boleh digunakan dan / atau dipamerkan di:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Premis perniagaan; ii. Laman sesawang perniagaan; iii. Laman media sosial perniagaan; iv. Kad perniagaan; dan v. Laman marketplace (TBC).
2	Adakah kod QR yang terdapat pada Perakuan Pendaftaran (Borang D) mempunyai fungsi yang sama seperti kod QR SSM BizTrust?	Ya. Bermula 31 Mac 2021, entiti perniagaan pemilikan tunggal dan perkongsian baharu yang berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (APP 1956) boleh mengimbas kod QR yang terdapat pada Perakuan Pendaftaran (Borang D) melalui aplikasi MySSM.
3	Apakah versi aplikasi MySSM yang menyokong fungsi kod QR SSM BizTrust?	Fungsi ini hanya boleh didapati di aplikasi MySSM versi 3.1.8 ke atas. Pengguna boleh mengemaskini aplikasi MySSM di Apple App Store (iOS), Google Play Store (Android) dan Huawei AppGallery (Huawei).
4	Terdapat premis-premis dan laman sesawang / media sosial yang masih belum mengaplikasikan penggunaan kod QR SSM BizTrust, bilakah akan dikuatkuasakan sepenuhnya?	<p>Kod QR SSM BizTrust mula diperkenalkan kepada umum pada 31 Mac 2021. Walau bagaimanapun, pada masa ini penggunaan kod QR SSM BizTrust adalah terpakai ke atas entiti Pendaftaran Perniagaan (ROB) dan akan diperluaskan penggunaannya ke atas entiti Pendaftaran Syarikat (ROC) dan Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) secara berperingkat.</p> <p>Pengguna digalakkan untuk memuat turun aplikasi MySSM bagi semakan kod QR SSM BizTrust kerana aplikasi ini disokong oleh SSM dan menjamin kesahihan maklumat entiti-entiti perniagaan tersebut.</p>
5	Siapa yang patut saya hubungi sekiranya saya menghadapi masalah semasa menggunakan fungsi kod QR SSM BizTrust di MySSM?	<p>Sekiranya anda menghadapi sebarang masalah atau mempunyai pertanyaan mengenai kod QR SSM BizTrust, sila hubungi :</p> <p>Pusat Panggilan SSM di talian 03-7721 4000; Faksimili ke 03-7721 4001; atau E-mel ke enquiry@ssm.com.my.</p>

		<p style="text-align: center;">Waktu operasi Pusat Panggilan: Isnin-Ahad 8.00 pagi - 6.00 petang Cuti Am Tutup</p>
--	--	--

Fungsi kod QR SSM BizTrust untuk pelawat		
Bil.	Soalan Lazim	Penyelesaian
1	Bagaimanakah pelawat menggunakan fungsi kod QR SSM BizTrust melalui MySSM?	<p>Untuk pengguna aplikasi MySSM sedia ada (pastikan aplikasi MySSM anda berada di versi terkini):</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Langkah 1: Tekan menu atau ikon SSM BizTrust di laman utama MySSM; ii. Langkah 2: Tekan ‘Teruskan’ di laman pengenalan ringkas kod QR SSM BizTrust untuk ke laman seterusnya; iii. Langkah 3: Tekan ‘Sentuh skrin untuk imbas’ (sistem kamera akan terbuka secara automatik untuk mengimbas kod QR SSM BizTrust); iv. Langkah 4: Sila imbas kod QR SSM BizTrust; dan v. Langkah 5: Setelah mengimbas, pengguna akan menerima maklumat entiti (nama dan nombor perniagaan entiti perniagaan, status serta alamat URL perniagaan). <p>Untuk pengguna yang tidak mempunyai aplikasi MySSM:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Langkah 1: Muat turun aplikasi dengan membuat carian ‘MySSM’ di Apple App Store (iOS), Google Play Store (Android) dan Huawei AppGallery (Huawei). ii. Langkah 2: Tekan aplikasi MySSM yang terpapar pada peranti mudah alih. iii. Langkah 3: Tekan menu atau ikon SSM BizTrust di laman utama MySSM; iv. Langkah 4: Tekan ‘Teruskan’ di laman pengenalan ringkas kod QR SSM BizTrust untuk ke laman seterusnya; v. Langkah 5: Tekan ‘Sentuh skrin untuk imbas’ (sistem kamera akan terbuka secara automatik untuk mengimbas kod QR SSM BizTrust); vi. Langkah 6: Sila imbas kod QR SSM BizTrust; dan vii. Langkah 7: Setelah mengimbas, pengguna akan menerima maklumat entiti (nama dan nombor perniagaan

		entiti perniagaan, status serta alamat URL perniagaan).
2	Mengapa hasil imbasan kod QR memaparkan notifikasi “Kod QR SSM BizTrust Tidak Sah”?	Notifikasi ini dipaparkan sekiranya: i. Kod QR diimbas selain daripada kod QR yang dikeluarkan oleh SSM; atau ii. Kod QR tidak diimbas menggunakan aplikasi MySSM.
3	Mengapakah hasil imbasan kod QR memaparkan notifikasi “Tiada Rangkaian. Periksa sambungan internet anda dan cuba lagi.”?	Notifikasi ini dipaparkan sekiranya sambungan rangkaian internet adalah tidak stabil.

Fungsi kod QR SSM BizTrust untuk Entiti Perniagaan		
Bil.	Soalan Lazim	Penyelesaian
1	Bagaimana cara untuk mendapatkan kod QR SSM BizTrust?	<p>Bagi entiti ROC dan PLT, pelaksanaan ini akan dilaksanakan secara berperingkat dan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.</p> <p>Pada masa ini kod QR SSM BizTrust akan diberikan kepada entiti di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (APP 1956) dan mempunyai akaun yang berdaftar dengan portal ezBiz Online.</p> <p>Untuk pengguna portal ezBiz Online sedia ada:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Langkah 1: Log masuk akaun EzBiz menggunakan User ID dan password; ii. Langkah 2: Tekan ‘Other Services’ di laman menu utama untuk ke menu ‘SSM BizTrust’; iii. Langkah 3: Tekan ‘View Barcode’ di laman SSM BizTrust untuk paparan kod QR SSM BizTrust. iv. Langkah 4: Tekan ‘Download’ untuk memuat turun kod QR SSM BizTrust.
2	Bagaimana saya hendak memuat naik kod QR SSM BizTrust pada media sosial (Instagram)?	<p>Bagi entiti ROC dan PLT, pelaksanaan ini akan dilaksanakan secara berperingkat dan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.</p> <p>Pada masa ini kod QR SSM BizTrust akan diberikan kepada entiti di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (APP 1956) dan mempunyai akaun yang berdaftar dengan portal ezBiz Online.</p>

	<p>Pilihan 1</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Langkah 1: Tekan ‘Download’ untuk memuat turun kod QR SSM BizTrust (imej dalam format JPEG) melalui portal ezBiz Online; ii. Langkah 2: Log masuk akaun Instagram perniagaan yang didaftarkan; iii. Langkah 3: Tekan ‘+’ untuk memuat naik kod QR SSM BizTrust ke Instagram Post; iv. Langkah 4: Tekan ‘Next’ dan tulis caption yang bersesuaian; dan v. Langkah 5: Tekan ‘Share’ dan paparan kod QR SSM BizTrust tersedia. <p>Pilihan 2</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Langkah 1: Tekan ‘Download’ untuk memuat turun kod QR SSM BizTrust (imej dalam format JPEG) melalui portal ezBiz Online; ii. Langkah 2: Log masuk akaun Instagram perniagaan yang didaftarkan; iii. Langkah 3: Leret ke kanan untuk memuat naik kod QR SSM BizTrust ke Instagram Story; iv. Langkah 4: Tekan ‘Send to’ dan paparan kod QR SSM BizTrust tersedia. <p>Nota: Instagram Story boleh dijadikan sebagai ‘Highlight’ pada akaun Instagram perniagaan.</p>
3	<p>Bagaimana saya hendak memuat naik kod QR SSM BizTrust pada media sosial (Facebook Page)?</p> <p>Bagi entiti ROC dan PLT, pelaksanaan ini akan dilaksanakan secara berperingkat dan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.</p> <p>Pada masa ini kod QR SSM BizTrust akan diberikan kepada entiti di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (APP 1956) dan mempunyai akaun yang berdaftar dengan portal ezBiz Online.</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Langkah 1: Tekan ‘Download’ untuk memuat turun kod QR SSM BizTrust (imej dalam format JPEG) melalui portal ezBiz Online; ii. Langkah 2: Log masuk akaun Facebook Page perniagaan yang didaftarkan; iii. Langkah 3: Tekan ‘News Feed’ dan ‘Photo’ untuk pilih imej kod QR SSM

		<p>BizTrust yang dimuat turun untuk dimuat naik ke Facebook Post;</p> <ul style="list-style-type: none"> iv. Langkah 4: Tekan ‘Publish’ dan paparan kod QR SSM BizTrust tersedia. v. Langkah 5: Tekan ‘Pin to Top’ untuk pos kod QR diletakkan di atas Page Timeline Facebook Page.
4	Bagaimana saya hendak memuat naik kod QR SSM BizTrust pada laman sesawang perniagaan?	<p>Bagi entiti ROC dan PLT, pelaksanaan ini akan dilaksanakan secara berperingkat dan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.</p> <p>Pada masa ini kod QR SSM BizTrust akan diberikan kepada entiti di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (APP 1956) dan mempunyai akaun yang berdaftar dengan portal ezBiz Online.</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Langkah 1: Tekan ‘Download’ untuk memuat turun kod QR SSM BizTrust (imej dalam format JPEG) melalui portal ezBiz Online; dan ii. Langkah 2: Muat naik kod QR SSM BizTrust di bahagian footer sama ada kiri atau kanan laman sesawang. <p>Nota: Skala minima paparan kod QR adalah 3.0 cm persegi dan masih boleh dibaca sekiranya diimbas.</p>
5	Adakah kod QR pada Perakuan Pendaftaran (Borang D) mempunyai fungsi yang sama dengan kod QR SSM BizTrust?	Ya. Mulai 31 Mac 2021, fungsi kod QR pada Perakuan Pendaftaran (Borang D) bagi entiti di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (APP 1956) yang baharu boleh diimbas melalui aplikasi mobil rasmi SSM, iaitu MySSM bagi tujuan pengesahan.
6	Bolehkah kod QR ini dipaparkan pada laman Facebook peribadi?	Pemilik adalah digalakkan untuk menggunakan laman Facebook Page perniagaan yang rasmi bagi tujuan membina <i>branding</i> terhadap jenama dan produk.
7	Sekiranya saya tiada laman URL perniagaan, adakah kod QR ini boleh saya pamerkan di premis perniagaan?	Buat masa ini, penggunaan kod QR SSM BizTrust hanya diperkenalkan ke atas entiti di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (APP 1956) sahaja. Walau bagaimanapun, pemilik premis perniagaan digalakkan untuk mempamerkan kod QR SSM BizTrust.

8	Bagaimana saya hendak memuat naik kod QR SSM BizTrust pada premis perniagaan?	<p>Bagi entiti ROC dan PLT, pelaksanaan ini akan dilaksanakan secara berperingkat dan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.</p> <p>Pada masa ini kod QR SSM BizTrust akan diberikan kepada entiti di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (APP 1956) dan mempunyai akaun yang berdaftar dengan portal ezBiz Online.</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Langkah 1: Tekan ‘Download’ untuk memuat turun kod QR SSM BizTrust (imej dalam format JPEG) melalui portal ezBiz Online; dan ii. Langkah 2: Cetak kod QR SSM BizTrust dan pamerkan di premis perniagaan.
9	Bolehkah kod QR SSM BizTrust dipaparkan pada laman sesawang / media sosial yang bukan hak milik peniaga tersebut?	<p>Tidak. Paparan maklumat pada aplikasi MySSM merupakan maklumat yang sahih mengenai entiti perniagaan yang didaftarkan dengan SSM.</p> <p>Pengguna boleh membuat perbandingan maklumat dan mengenal pasti sama ada entiti tersebut adalah sah atau tidak.</p>
10	Adakah saya boleh memuat naik kod QR ini pada mana-mana laman sesawang / media sosial?	<p>Tidak. Pemilik perniagaan perlu mendaftarkan alamat URL perniagaan dengan SSM terlebih dahulu sebelum memuat naik kod QR ini ke laman sesawang / media sosial perniagaan.</p>